



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

EKOSISTEM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERTAMBAH BAIK DENGAN SIAPNYA BANGUNAN BAHARU SMK KANOWIT

KANOWIT, SARAWAK - YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya hari ini telah menyaksikan Majlis Penyerahan Projek Gantian 18 Bilik Darjah dan Lain-Lain Kemudahan di SMK Kanowit, Kanowit, Sarawak. Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui agensi pelaksana, Pasukan Projek Khas 2 Sarawak (PPK2 Sarawak), telah menyerahkan projek yang telah disiapkan sepenuhnya pada 5 November 2025 kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengikut jadual yang telah ditetapkan.

2. Projek yang telah bermula pada 14 Januari 2023 dengan kos keseluruhan berjumlah RM49,900,000.00. telah siap dua (2) bulan lebih awal daripada jadual asal.

Skop projek ini merangkumi pembinaan:

- Blok Pentadbiran
- Blok Akademik (18 bilik darjah)
- Surau
- Bengkel RBT
- Makmal Komputer
- Makmal Sains Integrasi & Makmal Kimia
- 2 bilik resos
- Kemudahan sokongan termasuk:
 - Bilik Pam & Bomba;
 - Bilik Elektrik Utama;
 - dua (2) gelanggang permainan;
 - pondok menunggu;
 - pondok basikal; dan
 - pondok pengawal.

3. Pelaksanaan projek ini amat besar maknanya kepada pelajar, tenaga pendidik dan kakitangan sekolah, selaras dengan komitmen Kerajaan dalam menyediakan ekosistem pengajaran dan pembelajaran yang kondusif serta infrastruktur pendidikan yang berkualiti, selamat dan mampan demi kecemerlangan akademik dan ko-kurikular.
4. KKR merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat terutama KPM, guru-guru, kakitangan Sekolah dan Pelajar-pelajar, PPK2 Sarawak, Cawangan Kerja Pendidikan (CKP), kontraktor Syarikat Perniagaan Dasra Sdn. Bhd., para perunding serta agensi berkaitan yang telah memberikan sokongan dan kerjasama erat sepanjang tempoh pembinaan sehingga siap sepenuhnya.
5. JKR Malaysia diminta untuk memantau dengan rapi pihak kontraktor untuk terus melaksanakan tanggungjawab dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP) melibatkan proses-proses pasca penyerahan bangunan supaya tiada perkara yang tertanggung dan tertinggal serta dilaksanakan mengikut peraturan yang berkuatkuasa
6. KKR akan terus memastikan setiap projek pembangunan dilaksanakan dengan penuh integriti, profesionalisme dan ketelusan, sejajar dengan aspirasi Kerajaan dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam serta meningkatkan kualiti infrastruktur negara.
7. Semoga bangunan baharu ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan sentiasa dijaga dalam keadaan baik dalam meningkatkan kecekapan operasi serta memberikan persekitaran pembelajaran dan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

6 DISEMBER 2025

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#Jalankitatanggunjawabkita

#KerajaanMADANI



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

#MADANIbekerja

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur

f @ X KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA